

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-14
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN [KALABAKAN]

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha memberi kuasa autonomi yang lebih besar kepada Kerajaan Negeri Sabah terhadap urusan tadbir Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan yang masih diurus dan dikuasai oleh Kerajaan Persekutuan tetapi ternyata kurang efektif disebabkan kurangnya kolaborasi yang berkesan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta sistem penyampaian perkhidmatan awam yang kurang cekap di mana telah menjejaskan usaha-usaha merapatkan jurang pembangunan di antara Sabah dan Sarawak dengan negeri-negeri lain seperti yang terjadi di kawasan dan persoalan ini juga dinyatakan dalam muka surat 7-8 Buku RMK-12.

JAWAPAN

**YB DATO HAJJAH HANIFAH HAJAR TAIB, TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL SABAH DAN
SARAWAK)**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Persekutuan Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan *Federalisme* adalah tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan, iaitu merupakan undang-undang tertinggi dalam negara. Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan pembahagian kuasa di antara Kerajaan Pusat dengan negeri seperti mana yang telah termaktub di bawah Senarai I, II dan III kepada Jadual Kesembilan. Buat masa ini, isu berkenaan kuasa autonomi berhubung urusan tadbir Kementerian Pendidikan tidak pernah dibincangkan dalam Majlis Khas MA63.

2. Walau bagaimanapun, selaras dengan keputusan yang telah dicapai di bawah Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (JKKKMA63), Kementerian Kesihatan pada tahun 2020 telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Bagi Membincangkan Isu-isu Kesihatan bagi Negeri Sabah dan Sarawak. Mesyuarat telah diadakan secara berkala dan secara berasingan bagi membincangkan isu-isu berkaitan pengurusan kesihatan secara pentadbiran bagi meningkatkan tahap kolaborasi dan penyampaian perkhidmatan berhubung kesihatan awam negeri di Sabah dan Sarawak.

3. Kerajaan yakin usaha-usaha untuk merapatkan jurang pembangunan sosioekonomi di Sabah dan Sarawak akan dapat dilaksanakan melalui strategi-strategi yang telah digariskan dalam Bab 6 dan Bab 7, dokumen Rancangan Malaysia Kedua Belas serta Dasar Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan.